



Info PKG Gombak

PUSAT KEGIATAN GURU GOMBAK
SK Gombak Utara, KM. 11, Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur
Tel: 03-61889897 Fax: 03-61853997
Portal: <http://pkg-gombak.pkgdg.org>
emel pkg_gombak@moe.edu.my

Staf PKG Gombak 2009

Waktu Operasi
Isnin-Jumaat (8.00pagi-5.30 petang)

Pegawai Teknologi Pendidikan
Sakri Bin Said (017-3090001 & 013-3000392)

Pembantu Tadbir
Aishah bt Abdul Rahim (012-2648420)

Juru Teknik Komputer
Amir Zahiruddin bin Mohd Zahid (013-5090540)

PKG Gombak adalah merupakan salah satu daripada 4 buah PKG dalam daerah Gombak. Pusat Kegiatan Guru Gombak diamanahkan membantu sekolah setempat di kawasan Gombak. Terdapat 25 buah sekolah dibawah seliaan PKG Gombak.

Fokus Utama PKG adalah:

Bekerjasama dan berganding bahu dengan Pejabat Pelajaran Daerah Gombak bagi melaksanakan setiap program yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Antaranya:-

1. Memantapkan Pembudayaan Penggunaan Teknologi Pendidikan di sekolah,
2. Membantu dan memantau Pengurusan Pusat Sumber Sekolah.
3. Membantu sekolah dalam melaksanakan aplikasi ICT di sekolah.
4. Membantu sekolah melaksanakan Program NILAM.
5. Mengurus pengumpulan data/statistik dari masa ke semasa

MISI

Membina, mempertingkatkan dan mengekalkan amalan penggunaan teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara kreatif dan inovatif.

VISI

Ke arah pembudayaan penggunaan media dan teknologi pendidikan di setiap sekolah.

PIAGAM PELANGGAN

Kami warga Bahagian Teknologi Pendidikan dengan penuh tekad dan iltizam, berjanji menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kami untuk:

Menghasilkan bahan pendidikan dalam pelbagai media yang bermutu tinggi secara berterusan bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Menyebarkan maklumat pendidikan yang terkini melalui siaran pendidikan mengikut jadual yang ditetapkan.

Memperkasakan sekolah bestari dengan memberi bimbingan, bantuan dan penyelesaian masalah sepanjang masa.

Membudayakan tabiat membaca di sekolah sepanjang masa. memberi perkhidmatan kepakaran dalam bidang teknologi pendidikan dari semasa ke semasa.

Memberi layanan mesra, perkhidmatan yang cekap dan memenuhi kehendak pelanggan sepanjang masa.



Info PKG Gombak

PENTADBIRAN

Unit khidmat Bantu Penggunaan Peralatan ICT

1. Memantau dan memberi khidmat bantu pelaksanaan dasar pembestarian sekolah.
2. Memantau penyelenggaraan infrastruktur ICT, rangkaian dan aplikasi sistem di sekolah .
3. Pemantauan program pengintegrasian aplikasi pendidikan dengan aplikasi lain yang digunakan oleh sekolah.
4. Melaporkan maklum balas dan aduan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan BTP dan BTPN.
5. Memberi khidmat bantu penggunaan bahan pelbagai media.
6. Memantau dan khidmat bantu projek inovasi BTPN, PTPB dan PKG di sekolah.
7. Memantau dan memberi khidmat bantu projek inovasi berteraskan Teknopen di sekolah.

Unit Khidmat Bantu Pengisian Teknologi Pendidikan dan Media

1. Menjadi pusat rujukan penggunaan teknologi pendidikan dan media.
2. Menguruskan pangkalan data teknologi pendidikan dan pangkalan data sumber pengajaran dan pembelajaran di Pusat Sumber PKG
3. Memberi khidmat penggunaan dan pinjaman kepada pengguna Pusat Sumber PKG.
4. Memberi bimbingan dan nasihat kepada guru dalam hal yang berkaitan dengan penggunaan dan pengurusan pusat sumber sekolah.
5. Memantau, menyelaras dan menambahbaik program literasi maklumat, galakan membaca dan program pembangunan Pusat Sumber Sekolah.

6. Merancang dan mengurus pembangunan Pusat Sumber PKG dari segi kemudahan fizikal dan koleksi bahan serta perkhidmatan yang disediakan.

7. Menyelaras dan memantau pertambahan koleksi perolehan dan pengedaran Bahan Bacaan Tambahan dan BBM di peringkat Pusat Sumber Sekolah.

8. Memantau dan melapor pelaksanaan dasar penggunaan teknologi pendidikan dan media di sekolah.

Unit Pentadbiran dan Kewangan

1. Menguruskan hal-ehwal pentadbiran am pejabat.
2. Mengurus dan melapor hal-hal perjawatan dan perkhidmatan staf PKG.
3. Merancang, mengurus, dan melapor hal-hal pengurusan kewangan PKG.
4. Menyelaras penggunaan premis dan kemudahan PKG.
5. Menguruskan pembangunan keceriaan dan keselamatan premis.

FUNGSI PKG

Fungsi:1

Memantau, Menyelaras, Menilai dan Memberi Khidmat Bantu PSS dan Program Gerakan Membaca Di Sekolah(NILAM)

1.0 Pemantauan Pengurusan PSS 100% Sekolah dalam kelompok PKG

Objektif

- Sekurang-kurangnya minimum 10% PSS mencapai tahap Pengurusan PSS Cemerlang.
- Sekurang-kurangnya 15% murid sekolah menerima Pingat Gangsa Tahap Jauhari dan 3% mencapai tahap Rakan Pembaca.
- Sekurang-kurangnya 10% PSS melaksanakan Program Literasi Maklumat
- Sekurang-kurangnya 30% guru di sekolah tersebut menggunakan kemudahan teknologi pendidikan yang disediakan.



Info PKG Gombak

1.1 Memberi Khidmat bantu Pengurusan dan Aktiviti PSS

- Khidmat bantu 2 buah PSS dan 1 PSS contoh sekolah kelompok
- .Khidmat nasihat 100% sekolah kelompok setiap PKG

Objektif

- PSS sekolah berkenaan mencapai tahap PSS 5 Bintang sebagai PSS Contoh dan Cemerlang
- 100% sekolah melaksanakan program dan aktiviti PSS yang dirancang
- Sekurang-kurangnya 50% guru menggunakan teknopen dan media dalam P&P.
- Sekurang-kurangnya 50% guru telah diberi pendedahan menggunakan pelbagai media dalam proses P&P

1.2 Mengendali dan mengurus Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah

Objektif

- Pengurusan PSS meningkat.
- Ketrampilan guru dalam kemahiran maklumat meningkat

1.3 Bengkel Teknologi Pendidikan

Objektif

- Guru berketerampilan membudayakan amalan teknologi pendidikan dalam P&P.
- Guru yang kompeten dalam bidang Teknologi Pendidikan.

1.4 Mesyuarat Pengurusan Program Untuk GPM

- Mengikut prosedur mesyuarat yang telah ditetapkan
- Objektif mesyuarat dicapai
- Menyediakan laporan mesyuarat

Fungsi:2.

Memantau, Menyelaras, Menilai Dan Memberi Khidmat Bantu Pelaksanaan Program ICT Di Sekolah.

2.0 Pemantauan Pengurusan ICT 100% Sekolah dalam kelompok PKG

- Makmal komputer
- Schoolnet
- Pusat Akses
- PPSMI
- Aplikasi ICT
- Inisiatif ICT

Objektif

- Sekurang-kurangnya 50% warga sekolah menggunakan kemudahan ICT yang disediakan.
- Penggunaan peralatan dan bahan diurus dengan baik mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Pengurusan peralatan dan data dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

2.1 Khidmat nasihat 100% sekolah kelompok setiap PKG

2.2 Memberi khidmat bantu dan nasihat program ICT (Minima Khidmat bantu 2 buah Sekolah kelompok)

- Teknikal ICT
- Makmal komputer
- Schoolnet
- Pusat Akses
- PPSMI
- Aplikasi Bestari
- Inisiatif ICT
- Konfigurasi rangkaian

Objektif

- Penggunaan ICT di kalangan guru sekolah berkenaan mencapai tahap sekurang-kurangnya 30%.
- 100% sekolah melaksanakan program ICT sebagaimana dirancang



Info PKG Gombak

2.3 Mengendali dan mengurus Bengkel ICT untuk Guru Penyelaras Bestari/ICT (Minima 1 Bengkel ICT)

Objektif

- Meningkatkan tahap penguasaan ICT.
- Guru yang kompeten dalam bidang Teknologi Maklumat
- Guru-guru tahu menggunakan sistem aplikasi ICT secara berkesan dalam P&P serta pengurusan sekolah

2.4 Mesyuarat Pengurusan Program Untuk GPB (minima 2 kali setahun)

Objektif

- Mengikut prosidur mesyuarat yang telah ditetapkan
- Objektif mesyuarat dicapai
- Laporan mesyuarat

Fungsi 3:

Memberi Perkhidmatan Meja Bantuan Aras 1 Kepada Sekolah

3.0 Memberi perkhidmatan meja bantuan: Mengikut aduan atau keperluan sekolah

1. Perkakasan
2. Perisian

Objektif

- 90% masalah teknikal ICT dapat diselesaikan.

Fungsi 4:

Mengumpul Data Asas Teknologi Pendidikan Bagi Tujuan Penilaian Dan Pelaksanaan Dasar Teknologi Pendidikan Mengikut keperluan KPM

4.0 Pengumpulan Data (Offline dan Online)

- ICT (SSQS, SPPICTs, STS)
- PSS (IQPSS, Automasi, GPM)
- NILAM (Data NILAM, Tokoh NILAM)
- Pembangunan Sumber Manusia (maklumat sekolah semasa)
- Data dapat dikumpulkan mengikut masa yang telah ditetapkan
- Data yang diterima diproses mengikut keperluan

Fungsi 5:

Menyediakan Bahan Sumber Pendidikan Dalam Pelbagai Media.

5.0 Membantu menghasilkan bahan sumber pelbagai media:

- bahan cetak
- bahan bukan cetak
- Bahan yang menarik dan berkesan.
- Kualiti yang tinggi.
- bersesuaian dengan amalan P&P masa kini / keperluan pengguna.

Fungsi 6:

Melaksana, Menyebar, Mempromosi Dan Menggalakkan Penggunaan Teknologi Pendidikan Di Sekolah

6.0 Membuat rakamsalin dan menyebarkan bahan-bahan terbitan BTP/BTPN/PKG. Mengikut permohonan pelanggan seperti DVD/VCD/CD

- Kualiti yang tinggi.
- Mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui.
- Perkhidmatan yang memuaskan.
- Meningkatkan keyakinan guru untuk mendapatkan perkhidmatan mesra dan berkualiti.

6.1 Menyebarkan bahan-bahan daripada BTP/BTPN. 100% Sekolah dalam kelompok PKG

- Bahan cetak
- Bukan cetak
- poster
- brosur
- kalendar
- buletin

6.2 Mengendalikan Mesyuarat JK Pengurusan Aktiviti PKG (minima 2 kali setahun)



Info PKG Gombak

FASILITI DI PKG

1. PKG Gombak menyediakan perkhidmatan pinjaman / penggunaan bilik untuk tujuan mengadakan kursus, bengkel, seminar atau mesyuarat.
2. Pihak sekolah disyorkan membuat tempahan 1 minggu lebih awal bagi mengelakkan pertindihan penggunaan bilik.
3. Peralatan audio visual juga disediakan untuk kegunaan sekolah setempat.

.Peraturan penggunaan:

1. Pelanggan diminta menjaga kebersihan bilik semasa dan selepas menggunakannya
2. Susun semula fizikal bilik seperti keadaan asal jika semasa penggunaan pelanggan mengubah kedudukan sedia ada
3. Surat daripada agensi pelanggan diperlukan bagi tujuan perekodan
4. Penggunaan adalah percuma.

Sila hubungi staf PKG Gombak untuk tempahan.

Berita Daerah

Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan Negeri Selangor telah berlangsung pada 22 Oktober 2009 bertempat di Crystal Corwn Klang,

Majlis ini bertujuan menghargai pengamal teknologi dalam pendidikan khususnya di sekolah negeri Selangor.

Majlis ini anjuran bersama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pelajaran Selangor,

Antara anugerah yang telah disempurnakan adalah seperti Inovasi Teknologi dalam pendidikan, Pengurusan NILAM katogeri PPD dan Sekolah, Pengurusan PSS, Pengurusan Makmal dan Pusat Akses serta Anugerah Tokoh NILAM Selangor

Sekalung Tahniah kepada yang berjaya khususnya warga pendidik daerah Gombak

SBPI Gombak Johan Pengurusan NILAM SM Luar Bandar

SMK Rawang Ke 2 Pengurusan Makmal Komputer

SK Taman Melawati Ke 2 Pengurusan NILAM SK Bandar

SK Bukit Rawang Jaya Ke 2 Pengurusan Pusat Akses dan Ke 3 Pengurusan NILAM SK Luar Bandar

Adik Azman b Kholid (SBPI Gombak) Tempat Ke 2 Tokoh NILAM SM Luar Bandar

PKG Hulu Klang Anugerah Khas PKG Terbaik katogeri Berbangunan Sementara dan Ke 2 Video KLip Terbaik





Info PKG Gombak

SPPICTS Sistem Pemantauan Penggunaan ICT Sekolah

Pelaksanaan SPPICTS

Sistem Pemantauan Penggunaan ICT Sekolah (SPPICTS)

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan melaporkan tahap penggunaan semua inisiatif ICT serta peralatan berkaitan yang telah dibekalkan di sekolah-sekolah seluruh negara.

Sehubungan itu, Sistem Pemantauan Penggunaan ICT Sekolah (SPPICTS) diwujudkan bagi membolehkan pihak sekolah mengemaskinikan maklumat terkini. Segala maklumat yang diperolehi akan dianalisa dan dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi KPM bagi membuat keputusan tentang halatuju serta penambahbaikan berkaitan penggunaan ICT di sekolah.

SPPICTS boleh diakses dialamat berikut:

- <http://ssqs.moe.edu.my> atau
- <http://pnp.moe.edu.my>

Jadual Tempoh Kutipan Data Bagi tahun 2009

- 22 Feb 2009 - 13 Mac 2009
- 15 Jun 2009 - 03 Julai 2009
- 14 Sept 2009 - 02 Okt 2009

SSQS

Sistem Smart School Qualification Standards

Sistem Smart School Qualification Standards (SSQS)

Aplikasi ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan pembudayaan dan penggunaan ICT di sekolah. Bermula penggunaan secara manual di 88 buah sekolah bestari kini aplikasi ini yang telah dibina berasaskan web

diperluaskan bagi membuat penarafan di semua sekolah seluruh Malaysia.

Pada tahun 2009 semua sekolah terlibat dengan program ini. Setiap sekolah dipertanggungjawabkan untuk mengisi boring responden terdiri daripada seorang pentadbir, seorang penyelaras bestari/ict, 30 guru subjek dan 30 pelajar.

Kutipan data adalah secara online dan boleh dilayari seperti url berikut:-Jadual kutipannya bulan Mac, Jun dan September.

- <http://ssqs.moe.edu.my> atau
- <http://pnp.moe.edu.my>

STS

Support Ticketing System
Peralatan ICT 2009

STS adalah system aduan kerosakan peralatan ICT secara online. Ianya bertujuan mengenalpasti bilangan peralatan ICT yang rosak dan memerlukan penyelenggaraan oleh KPM.

Pada tahun ini penyelenggaraan dikhaskan kepada peralatan ICT yang didaftarkan mulai 2002.

Adalah menjadi tanggungjawab penyelaras ict untuk melaporkan kerosakan peralatan tersebut secara online. URL nya ialah

<http://sts.moe.edu.my/front/central.php>



SPPMB

Sistem PSS Berpusat
Sekolah di Malaysia

SPPMB atau IQPSS ialah sistem online tentang maklumat Pusat Sumber Sekolah. Ianya bertujuan mengenalpasti tahap pengurusan PSS. Maklumat yang perlu diisi adalah berkaitan pengurusan



Info PKG Gombak

koleksi, penggunaan PSS, pengumpulan data nilam dan juga aktiviti PSS sepanjang tahun. Aplikasi ini boleh dilayari melalui url: <http://btp.tarantula.my/>

Adalah dinyatakan bahawa semua perkara yang berkaitan aplikasi online, cara dan kaedahnya telah ditaklimatkan kepada semua pihak berkenaan iaitu guru penyelaras bestari/ict dan juga guru perpustakaan dan media. Taklimat ini dijalankan secara berkelompok peringkat daerah bersama Pejabat Pelajaran Daerah Gombak.

Taklimat dan bengkel juga telah dijalankan di peringkat PKG berkenaan bagi mempercepatkan proses pengemaskinian data.

Kem Membaca 1 Malaysia



Kem Membaca 1 Malaysia telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada 30.10.2009 di Sekolah Wawasan USJ 15 Subang Jaya Selangor.

Tarikh cadangan pelaksanaan ialah mulai 26hb Oktober hingga 5hb November 2009. Program ini yang mengambil masa dua minggu ini akan dilaksanakan bersama oleh JPN, BTPN, PKG, Sekolah dengan perkongsian pintar (agensi luar) seperti PNM, IPTA/IPTS, RHB, MBKM, The Asia Foundation, Scholastic (M), MK Land dan lain-lain.

Objektif Kem Membaca 1 Malaysia ialah

Mengisi masa lapang murid selepas peperiksaan
Mengerakan program/aktiviti galakan membaca
Memupuk minat membaca secara berterusan (khususnya semasa cuti sekolah dan juga sepanjang hayat)
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan mengadakan Bulan Bahasa pada bulan Oktober, oleh itu program ini

merupakan salah satu aktiviti komplimen bagi bulan tersebut.

Sasaran Kem Membaca 1 Malaysia tentulah semua murid khususnya murid lepas UPSR dan PMR. (Harap selepas program ini RP atau Rakan Pembaca akan semakin rancak terutama di Sekolah Menengah)

Antara cadangan aktiviti selama dua minggu tersebut ialah

Pesta Buku / Pameran Buku
Pameran Kraftangan
Pemeran Bertema
Resensi Buku
Bicara Buku bersama penulis terkenal
Pertandingan : Pembaca terbanyak, Kosa Kata, Peribahasa, Puisi/Poem, dll
Penulisan Esei : Buku yang saya gemari, perpaduan.
Pertandingan Drama berasaskan buku yang dibaca.
Pertandingan Bercerita
Spelling Bee
Jejak Maklumat.

Ini adalah cadangan aktiviti yang akan dijalankan oleh semua sekolah selepas pelancaran program ini. (Sekolah Wawasan akan bermula lebih awal program Kem Membaca 1 Malaysia)

Terima Kasih.

Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor
Pegawai Pelajaran Daerah Gombak
Pengerusi JK Pengurusan Aktiviti PKG Gombak
Guru Besar SK Gombak Utara
Ketua PKG Daerah Gombak
Pengetua dan Guru Besar sekolah setempat PKG Gombak
Pegawai Teknologi Pendidikan PKG daerah Gombak
Semua warga pendidik daerah Gombak